

Dapat kelulusan bawa 80,000 kerbau, lembu, kambing

Tiga beradik kuasai industri import

Mingguan M
8/5/16

Oleh MOHD. ASRON MUSTAPHA
mohdasron.mustapha@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 7 MEI

TIGA beradik muncul pengimport terbesar yang mendapat kelulusan daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) bagi membawa masuk ternakan ruminan melibatkan kerbau, lembu, kambing dan biri-biri ke negara ini.

Menerusi dua syarikatnya, Ternakan Kamran Sdn. Bhd., dan Ternakan Kamran Trading Sdn. Bhd., ketiga-tiga beradik itu mendapat kelulusan mengimport sehingga 80,000 ternakan iaitu 40,000 (kerbau/lembu) serta 40,000 (kambing/biri-biri).

Jumlah itu merupakan penguasaan sebanyak 31 peratus daripada keseluruhan 129,000 ekor (lembu/kerbau) yang diluluskan untuk diimport serta 26 peratus daripada keseluruhan 156,100 (kambing/biri-biri) yang diluluskan untuk diimport.

Penguasaan Ternakan Kamran dan Ternakan Kamran Trading juga jauh meninggalkan Felcra Livestock & Agri Product Sdn. Bhd., yang hanya mendapat kebenaran untuk mengimport 12,000 (lembu/kerbau) serta 3,000 (kambing dan biri-biri).

Maklumat berkenaan diperolehi hasil semakan *Mingguan Malaysia* dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), berdasarkan kepada jadual kelulusan import haiwan hidup bagi tahun 2016 yang dimaklumkan sendiri JPV kepada akhbar ini Selasa lalu.

Dalam jadual berkenaan, JPV memaklumkan sebanyak 94 syarikat telah memohon untuk membawa masuk ternakan pada 2016 tetapi daripada jumlah itu, hanya 54 syarikat diluluskan (lembu/kerbau) manakala 23 syarikat (kambing/biri-biri).

Dalam pada itu, semakan di SSM juga menunjukkan hanya tiga syarikat bumiputera yang mendapat kelulusan mengimport melebihi 10,000 ternakan iaitu Major Transglobal Sdn. Bhd., Harris Luqman Group Sdn. Bhd., dan Prospect Explorations (M) Sdn. Bhd.

Major Transglobal diberi kebe-

JPV SENYAP

DALAM ruangan ini akhir tahun lalu, Awang pernah bangkitkan soal Napoleon Kecil dalam Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) yang sering membuat keputusan memihak kepada pemain-pemain besar yang dianggap kartel.

Itulah yang selalu menjadi rungutan ramai dan sehingga hari ini tiada perubahan. Awang terus menerima maklum balas tentang isu tersebut. Termasuk dakwaan surat JPV menolak permohonan usahawan-usahawan, yang tidak dinyatakan alasan konkrit dan dibuat sambil melepas batuk di tangga.

Setakat ini, JPV belum tampil menjawab semua isu tersebut. Ketua Pengarah JPV harus tampil ke depan dan usah berdiam lagi. Jangan biarkan menten memikul beban atas sebarang kelemahan jabatan. Sudah sampai masanya juga satu laporan lengkap import dan eksport ternakan termasuk senarai pemain-pemain besar ini didedahkan untuk semua pihak.

Malah ada pandangan oleh pakar bahawa harga daging ayam, lembu dan kambing mampu diturunkan lebih rendah untuk manfaat para pengguna jika monopoli kartel dipecahkan. Sejahter manakah kesahihannya, Awang tidak pasti. Sebab itu tahap efisiensi dan kompetensi JPV perlu dinilai semula. Memandangkan isu ini sudah lama berlarutan, memang wajar sekiranya Pasukan Petugas Khas di bawah Jabatan Peguam Negara dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) lebih meneropong JPV. Itu juga cara bagi memberi keadilan kepada JPV supaya tidak terus ditohmah. JPV yang didapati bersih selepas dilakukan forensik, akan pas lebih disegani semua.

Awang Selamat

KERATAN *Mingguan Malaysia* 1 Mei 2016.

naran untuk mengimport 1,500 (lembu/kerbau) dan 30,000 (kambing/biri), Harris Luqman pula 1,500 (lembu/kerbau) dan 20,000 (kambing/biri-biri) manakala Prospect Explorations 3,000 (lembu/kerbau) dan 8,000 (kambing/biri-biri).

Ahad lalu, *Awang Selamat* dalam *Mingguan Malaysia* membangkitkan persoalan mengenai dakwaan wujudnya kartel dalam industri pengimportan ternakan menyebabkan banyak pihak khususnya pemain baharu mengeluh kerana tidak

Jumlah itu merupakan penguasaan sebanyak 31 peratus daripada keseluruhan 129,000 ekor (lembu/kerbau) yang diluluskan untuk diimport serta 26 peratus daripada keseluruhan 156,100 (kambing/biri-biri) yang diluluskan untuk diimport."

SUMBER SSM

mendapat peluang sepatutnya birpun memiliki merit.

Walaupun Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Datuk Dr. Kamarudin Md. Isa dalam reaksinya men-

afikan dakwaan tersebut dengan mengatakan bahawa JPV mengamalkan dasar terbuka dalam meluluskan kebenaran untuk mana-mana pihak mengimport ternakan.

"JPV mempraktikkan dasar terbuka sesiapa sahaja boleh memohon membawa masuk ternakan hidup dan daging merangkumi daging kerbau sejuk beku, daging lembu dan kambing serta keratan ayam," katanya dalam kenyataan kepada *Utusan Malaysia*.